# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 1 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br><br>5.<br>6.<br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br>10. | AGRICULTURE MINISTER: SEEKS HELP TO EXPORT MALAYSIA AGRICULTURE PRODUCTS TO CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -22<br>SALAHUDDIN: 40,000 FISHERMAN GIVEN AID, NATION, THE STAR -6<br>50 CEG AKAN DIBUKA TAHUN INI, NEGARA, KOSMO -4<br>40,000 NELAYAN DAPAT MANFAAT ELAUN SARA HIDUP, NASIONAL, SINAR HARIAN - 15<br>40,000 NELAYAN SUDAH TERIMA ELAUN SARA HIDUP, NASIONAL, BERITA HARIAN -4<br>KEMBANGKAN POTENSI ASAS TANI, NASIONAL, SINAR HARIAN -15<br>40,000 FISHERMAN RECEIVES SUBSIDY AFTER REGISTRATION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A13<br>CREATE BID DATA PLATFORM TO INTEGRATE AGRICULTURE MARKET, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12<br>SYOR PROMOSI MAKANAN JALANAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -19<br>SIM TZE TZIN PROPOSES TO SET UP AGRICULTURE PRODUCTS 'BIG DATA', NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 11.<br>12.<br>13. | BISNES AYAM HALAL, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -28<br>LADANGKU MAJU, AGRO MEGA, UTUSAN MALAYSIA -29<br>KEPERLUAN TANGANI ISU INDUSTRI AYAM, AGRO MEGA, UTUSAN MALAYSIA -29 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Seeks help to export Malaysia agricultural products to China | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 01 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 22 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 236 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,152 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,455 |



## 農長：已向聯國糧農組織提出
# "要求助馬農產品輸華"

（昔加末、双溪毛糯30日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，他已向联合国粮食及农业组织总干事屈冬玉提出要求，以便协助马来西亚农产品推入中国市场。

他今年为综合农场主持推介礼后，在新闻发布会上表示，粮农组织首度有亚洲的代表担任总干事，相信能够协助小国如马来西亚、非洲等国家打开农产品的市场。

他说，我国的燕窝、猫山王、黄梨等已经打入中国市场，而他也要求屈冬玉协助马来西亚的其他农产品打入中国市场。

### 全马推动综合农场概念

另一方面，沙拉胡丁表示，位于昔加末关丹大道旁的综合农场有161英亩，首阶段共有50英亩，以及11名企业家参与，农业部将在全马各地推动综合农场的概念。

他说，综合农场除了成为耕种地之外，也可发展为农业旅游区，让旅客可以到农场吃榴梿，成为旅游景点。

农业部副总监莫哈末纳西尔也出席推介礼。



沙拉胡丁（前排左三）巡视栽种黄梨和椰子的园地后，竖起拇指赞好。前排右一为莫哈末纳西尔。

## 經濟成長中心助漁產價降30%

沙拉胡丁指出，农业部在沿海一带设立的经济成长中心（CEG），成功降低30%渔产价格，既保障渔民的利益，也让消费者获得价廉物美的新鲜鱼。

他今日偕同精英顾问团主席敦达因一行人，在双溪毛糯巴也加拉斯（Paya Jaras）新奥拉超级市场见证"渔产从码头直销至市场"的推介礼及巡视渔产价格。

他在巡视后，向媒体举例甘望鱼原本的价格约每公斤15令吉，从码头直销至市场售卖后，减少了中间商的介入，价格成功降至每公斤9令吉50仙至10令吉。

他透露，相关计划是透过经济成长中心的渔产码头分销至三大特定的渔产市场，分别位于柔佛哥打丁宜、浮罗交怡及雪兰莪双溪毛糯。农业部今年预计在全马沿海地区，增建50个经济成长中心。

出席者包括农业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁及大马渔业发展局主席莫哈末法伊。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2019 | THE STAR | NATION | 6 |

# Salahuddin: 40,000 fishermen given aid

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

SUNGAI BULOH: Some 40,000 fishermen nationwide have benefitted from the Bantuan Sara Hidup (BSH) living allowance since January, says Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub.

He said the ministry was now further vetting and determining those who were genuinely qualified for the living allowance.

"We have almost completed it and we have given the allowance to some 40,000 fishermen so far," he told reporters yesterday at the launch of direct sales from the landing centre to selected sales centres.

Salahuddin said the government took measures to deal with the presence of middlemen between fishermen and consumers by setting up the Centre for Economic Growth (CEG), where consumers could make direct purchases, especially those in the rural areas.

"We find that the price of fish, for instance, has been reduced by 30%.

"At certain outlets, the price of fish and other basic necessities such as eggs, oil and other essential items stay affordable," he said.

He pointed out that medium-sized ikan kembung was sold for between RM9.50 and RM10 at the CEG compared to RM16 at other places.

Salahuddin said that so far, there were only five CEG outlets in Selangor, one in Kota Tinggi, Johor and Langkawi.

"We aim to have 50 stores nationwide by this year."

He also noted that his ministry was working together with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry as well as the Cooperative Commission of Malaysia under the Entrepreneur Ministry to further reduce the cost of living.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# 50 CEG akan dibuka tahun ini

Oleh NUR HUDA MUSA

**SUNGAI BULOH** - Kerajaan bercadang untuk membangunkan sebanyak 50 Pusat Baharu Pertumbuhan Ekonomi (CEG) pada tahun ini selain 50 lagi pada tahun hadapan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pusat itu bertujuan untuk meningkatkan pendapatan nelayan selain membantu usaha kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup rakyat yang dihadapi pada ketika ini.

"Terdapat beberapa program perintis di bawah penubuhan CEG, antaranya penjualan sumber laut secara terus dari pusat pendaratan ke pusat jualan bagi meringankan beban kos sara hidup pengguna.

"Antara matlamat CEG adalah untuk menerajui pembangunan sosioekonomi kumpulan sasaran B40 yang tertumpu di kawasan nelayan," kata pada majlis pelancaran penjualan sumber laut secara terus dari pusat pendaratan ke pusat jualan terpilih di Pasar Raya Aura Baru, Kampung Paya Jaras Hilir di sini semalam.



SALAHUDDIN (dua dari kanan) bersama Daim Zainuddin (tengah) meninjau harga ikan pada Majlis Pelancaran Sumber Laut Secara Terus di Pasar Raya Aura Baru, Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh semalam.

Turut hadir, Mantan Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Dalam pada itu, program tersebut juga dijangka akan mengurangkan rantaian pemborongan serta pembekalan hasil tangkapan nelayan dan secara tidak langsung menstabilkan harga jualan.

CEG telah dibentangkan sebagai sebahagian usaha di bawah Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang bertindak sebagai pusat penjualan petrol bersubsidi dan juga kemudahan lain seperti mikro kredit, pasar mini, kiosk informasi, ejen bank, kurier serta Pusat Latihan dan Keusahawanan juga akan dibangunkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# 40,000 nelayan dapat manfaat elaun sara hidup

KUALA LUMPUR - Kira-kira 40,000 nelayan telah menerima elaun sara hidup (ESH) sejak awal tahun ini susulan proses pemutihan yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, proses itu bagaimanapun masih berjalan bagi memastikan baki nelayan yang layak mendapat elaun tersebut.

"Kita dah hampir selesai sebenarnya dan dalam tahun ini kita telah berikan elaun ini kepada kumpulan sasar yang sebenar iaitu lebih kurang 40,000 nelayan," katanya selepas menyempurnakan pelancaran penjualan sumber laut secara terus dari pusat pendaratan ke pusat jualan terpilih di Sungai Buloh di sini semalam.

Proses pemutihan terhadap petani dan nelayan itu dilakukan bagi memastikan segala bantuan sara hidup sampai kepada golongan sasar, selain mengelak ketirisan dan penyelewengan. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# 40,000 nelayan sudah terima elaun sara hidup



**Salahuddin bersama Daim (dua dari kiri)** *melawat tempat jualan selepas majlis pelancaran penjualan sumber laut di Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh, semalam.* [Foto Rosdan Wahid/BH]

**Sungai Buloh:** Seramai 40,000 nelayan di seluruh negara menerima elaun sara hidup RM200 sebulan sejak Januari lalu, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata jumlah itu berdasarkan proses pemutihan yang dilakukan kementeriannya.

"Proses pemutihan elaun sara hidup nelayan hampir selesai dan setakat ini, 40,000 nelayan sudah menerima manfaatnya. Jumlah penerima mungkin bertambah berdasarkan proses pemutihan yang dijalankan.

"Mana-mana nelayan yang tidak terpilih menerima elaun terbabit boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Setiap rayuan itu akan diteliti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Penjualan Sumber Laut Secara Terus Dari Pusat Pendaratan Ke Pusat Jualan Terpilih di Kampung Paya Jaras Hilir, di sini, semalam.

Yang turut hadir, bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin; Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salehhuddin Hassan; serta Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil.

Mengulas mengenai majlis itu, Salahuddin berkata, ia antara inisiatif dilaksanakan kerajaan dalam usaha memerangi orang tengah, sekali gus memberi manfaat kepada nelayan dan menangani kos sara hidup rakyat.

"Ini adalah program perintis menerusi Pusat Baharu Pertumbuhan Ekonomi (CEG) yang mana hasil laut dibekalkan secara terus kepada rakyat tanpa melalui orang tengah.

"Sebagai contoh, ikan kembung yang biasanya berharga antara RM15 hingga RM16 sekilogram, dijual pada harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram, iaitu penurunan kira-kira 30 peratus," katanya.

Justeru, beliau menyasarkan pembukaan kira-kira 50 CEG di seluruh negara, tahun ini, supaya rakyat boleh mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan tanpa merugikan pembekal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Kembangkan potensi asas tani

*Projek perintis pertanian campuran pertama di Malaysia*

NUR ALINA HASSAN

SEGAMAT

Kerajaan akan memperluaskan kaedah pertanian campuran ke seluruh negara sebagai usaha memperkasakan industri tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, melalui projek perintis di Kilometer 10, Jalan Segamat-Kuantan di sini, kawasan seluas 20 hektar itu akan dimajukan dengan pelbagai aktiviti terdiri daripada ternakan rusa, tanaman fertigasi, ternakan lembu tenusu, projek akuakultur, tanaman limau bali, kelapa dan durian.


SALAHUDDIN

Menurutnya, projek fasa pertama dijangka siap dalam tempoh beberapa tahun dan sesuai dijadikan panduan kepada seluruh petani di Malaysia untuk mengambil langkah baharu bagi mewujudkan pertanian campuran.

"Kita ambil pengajaran daripada sejarah masa lalu bahawa petani tidak boleh bergantung dengan satu sumber semata-mata.

"Apabila getah naik harga, petani beralih kepada industri getah.

"Apabila harga getah turun, mereka tebang dan tanam sawit pula. Jadi apabila harga sawit tak stabil, kementerian ambil langkah baharu.

"Kami galakkan mereka menggunakan konsep pertanian campuran ini," katanya selepas mengadakan lawatan Kilometer 10, Jalan Segamat-Kuantan sempena pelancaran Pertanian Campuran Peringkat Kebangsaan di sini semalam.

Salahuddin berkata, projek pertanian campuran di Segamat boleh dijadikan sebagai lokasi pelancongan.

"Kami akan sediakan sebidang tanah dan peserta untuk memajukan aktiviti pertanian boleh menjadi sebahagian peserta program ini," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 40,000 fishermen receives subsidy after registration | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 01 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A13 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 448 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,857 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,572 |



# 漂白计划下 4万渔夫获津贴

**吉隆坡30日讯｜在农业及农基工业部进行了漂白计划后，约有4万名渔夫已经于今年初已获得渔民生活津贴。**

农业部长拿督沙拉胡丁阿育表示，尽管如此，漂白计划还在进行中，以确保其他有资格的渔民获得津贴。

「我们其实接近完成了「漂白计划」，而且今年我们已经派发给真正的目标群体，约有4万名渔夫。」

沙拉胡丁阿育是今日在双溪毛糯为一项海产直接销售活动进行推介后，向记者如此表示。

有关的漂白计划是针对农夫及渔夫，以确保生活津贴能派放给真正的目标群体。

对于今天的活动，沙拉胡丁阿育表示，这个试点活动是人民可以通过全国经济成长中心（EEG）直接获得海产，不需要透过中介。

他预计，今年会有约50所中心开设，以便人民能以公道的价格获取日常用品。



沙拉胡丁阿育（右）与敦达因（左）观察新鲜和便宜的海产。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Create bid data platform to integrate agricultural market | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 01 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A12 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 441 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,734 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,202 |





黄敬发（右）赠送水果礼篮予沈志勤（中），感谢他为马来西亚菜业联合总会第23届第一次全国代表大会主持开幕。左起为锺德强、杨集东和郭海强。

-徐思义-

# 创建大数据平台 整合农业市场

**士拉央30日讯**丨农业及农基工业部副部长沈志勤表示，为了迎合未来趋势，该部将开始推动创建大数据的平台整合农业领域的市场，以惠及消费者及相关业者。

他说，大数据是未来的趋势，在农业领域扮演重要的角色，而有了透明及完整的大数据，可对整个行业带来好处。

他指出，消费者可从大数据上获知农产品价格，批发商可以知道农产品的价格波动，农民也可看到价钱波动后，进行提前的种植规划。

因此，他建议菜业总会也可建立大数据，朝向更高科技方向前进外，在面对菜价相关问题之时，可运用数据及科学的角度与官员理论。

沈志勤是今日出席马来西亚菜业联合总会第23届第一次全国代表大会后的记者会上，如此表示。

沈志勤也呼吁业者严格遵守大马联邦农业销售局数年前落实的「包装、分级及标签管理」条例（GPL），以要求业者针对农作物进行分级（Grading）、包装（Packaging）及标签（Labeling），并确保农产品在这三方面都符合所制订的程序与要求。

他说，随着消费者对食品安全的要求越来越高，农产品的可追踪性变得越来越重要，消费者未来的要求就是了解农产品「从菜园到餐桌上」的过程，所以必须做好准备。

另外，他表示，该部已经减少申请良好农业规范（MyGAP）认证计划的繁文缛节程序，获得认证的期限从18个月缩短成3个月，也把123个条例减至94个，并增加了人力资源来加速进行审查工作。

他也建议，批发商要区分获得MYGAP认证的农产品售价，提高拥有MyGAP认证的农产品价格，以鼓励农民申请认证，同时，教育人民拥有MyGAP与没有MyGAP认证的差别，以维护食品安全及环境卫生。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Syor promosi makanan jalanan | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 01 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 19 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 80 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,354 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,062 |



# Syor promosi makanan jalanan

**Songkhla:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bercadang mempromosikan makanan jalanan (street food) melalui Pesta Makanan Malaysia Street Food Lover di pusat-pusat peranginan Thailand.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salim Parlan berkata pesta makanan yang diadakan pada minggu lepas, sempena Malaysia Fest 2019 di Bangkok telah mendapat sambutan memberangsangkan.

"Pesta makanan ini bertujuan memperkenal dan mempromosi street food Malaysia kepada warga tempatan dan juga pelancong asing. Melalui pesta kali ini, pihak kementerian melihat penerimaan penduduk tempatan terhadap masakan Malaysia.

"Saya mencadangkan destinasi pelancongan seperti Phuket dan Krabi, dijadikan lokasi pesta makanan Malaysia Street Food Lover tour pada masa akan datang," katanya di sini, semalam.

**BERNAMA**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin proposes to set up agricultural products` big data | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 01 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 838 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,541 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,623 |



## 沈志勤：充种植者与消费人桥梁

# 建议设农产品大数据

**（士拉央30日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，该部与国内贸易与消费人事务部常因要维护农业业者和消费人之间的利益而产生矛盾和激烈辩论，他就此建议建立大数据平台，让资讯更透明化。**

**他指以往农民耕种农作物是取长补短赚取利润，一旦有了大数据平台，若他们得知蔬菜价格出现波动，就能提早规划。**

沈志勤说，若农民知道辣椒在开斋节期间会涨价，就可提早种植以赚取更多利润；若批发商知道国内农作物数量足够，就不需要从国外进口，这有利于提早规划。

沈志勤出席马来西亚菜业联合总会第23届第一次全国代表大会开幕后说，由此可鉴定农业业者面对的问题，该部才能向贸消部提呈相关问题。该部可成为农业业者与贸消部的桥梁，安排两者洽商，特别是讨论统制品价格。

“（但）农业业者不能凭空与贸消部讨论问题，要以科技角度讨论。”

他说，通过网站或手机应用程式制作大数据平台，可集结各种相关资料如全国蔬菜售价，让市场价格更透明化，作为农业业者与消费者的参考。

沈志勤希望各方能与农业部配合，维持蔬菜价格的稳定，除了让业者获利，也让消费者买到价格稳定的农产品。

出席者包括马来西亚菜业联合总会会务顾问拿督杨集东、总会长锺德强、署理会长拿督郭海强，以及吉隆坡蔬菜批发商公会会长黄敬发等。



黄敬发（右）移交纪念品给沈志勤（中），左起为锺德强及杨集东，右二为郭海强。

## 农作物可追溯成趋势

沈志勤说，随着民众对食品安全的要求越来越高，相信农作物可追溯会成为未来趋势，农业业者要促做好准备，包括遵守分等级、包装及标签（GPL）条例。

“唯有在GPL条例全面落实后，政府才能进一步配合新科技技术，开拓更多新领域。”

他提及未来消费者追求“从产地到餐桌”的用餐概念，因此可追溯在食品安全上显得非常重要，例如我国如今出口榴梿到中国时，已开始采用可追溯性的二维码系统，追溯榴梿生产地及运送过程等。

“现在是采用二维码系统，未来可能会使用区块链。”

## 简化申请良农认证

为鼓励农耕者申请大马良好农业作业（MyGAP）认证，农业部如今已经简化相关申请手续，包括将先前18个月的申请时间，缩至3个月，并将123项申请条例减至94项。

沈志勤说，该部也指定官员增加人手审查，加速整个过程。

他希望各方能配合推广MyGAP，包括让拥有认证的农作物的售价提高5至10%，推动农民取得相关认证。

锺德强希望贸消部制定统制品价格时，能作出多方考量，包括顾虑农业业者面对的困境，如蔬菜容易腐坏与价格会因产量下跌，别把价格压得太低。

黄敬发则呼吁贸消部，制定统制品价格前一周能向各方查询价格，以免造成供应量不稳定或各方无利可图，影响相关行业发展。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 28 |




PRODUK Ladangku Maju Sdn. Bhd. sedia untuk dipasarkan.

# Bisnes ayam halal




Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com




SUMBER protein utama seperti ayam menjadi kegemaran ramai kerana rasanya yang sedap, berkhasiat dan boleh dimasak dengan pelbagai resipi.

Permintaan yang terlalu tinggi terhadap sumber protein ini menyebabkan ramai penternak mula melaksanakan projek ternak ayam bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Malah, harga ayam yang konsisten dalam pasaran mendorong penternak untuk terlibat secara langsung dan industri tersebut.



MOHAMAD ALIFF ABDUL RAHIM

Pun begitu, seperti yang diketahui umum tidak semua ayam yang dijual dipasarkan secara bersih dan mematuhi syariat Islam. Ini kerana orang ramai tidak mengetahui dan tidak menyaksikan dengan mata sendiri berkaitan kebersihan kawasan ternakan, rumah dan cara penyembelihan mengikut hukum syarak.

Oleh kerana rasa syak wasangka tersebut, Ladangku Maju Sdn. Bhd. (Ladangku) menjadi antara syarikat milik bumiputera yang membekalkan ayam halal untuk rakyat Malaysia.

Sejak beroperasi pada 2013, Ladangku bertanggungjawab membekalkan ayam yang diproses mengikut syarak.

Pengurus Rangkaian Jualannya, **Mohamad Aliff Abdul Rahim** berkata, objektif penubuhan syarikat tersebut bagi membekal dan menghasilkan ayam segar halal dalam pasaran tempatan.

Ini kerana umat Islam amat menitikberatkan aspek bukan sahaja jenis makanan halal, tetapi juga proses penyembelihan dengan memastikan urat halkum dan urat marih diputuskan menggunakan alat tajam dengan niat kerana Allah.

Ladangku mengamalkan Skim Amalan Ladang Ternak menerima bekalan ayam dari penternak di seluruh negara dan sepanjang enam tahun dalam industri, syarikat itu kini mengorak langkah dengan memperkenalkan program stokis bagi membantu menambah pendapatan orang ramai.



AYAM yang siap disembelih.

"Melalui program tersebut, kami memberi galakan kepada suri rumah khususnya yang ingin terlibat dalam perniagaan ayam tanpa mengeluarkan modal yang besar dan tidak perlu memiliki tanah untuk membina reban," katanya.

Tambah Mohamad Alif, sejak program tersebut diperkenalkan ia berjaya menambah pendapatan stokis sekali gus meringankan bebanan kewangan mereka.

"Tujuan stokis dilantik bagi membolehkan orang ramai membeli ayam halal selain memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kebersihan dan cara penyembelihan yang sempurna mengikut syariat Islam.

"Dalam masa sama sudah pastinya bagi mereka memperoleh pendapatan," ujarnya.

Katanya lagi, stokis akan menjual ayam tersebut di kawasan setempat dan kejiranan yang berdekatan kediaman mereka.

"Bagi mereka yang berminat untuk menjadi stokis hanya memerlukan modal permulaan sebanyak RM700 bagi memesan 48 ekor ayam. Selain itu mereka akan dilatih mengenai teknik menjual, asas perniagaan dan cara mencari pelanggan.

"Mereka yang berminat boleh melayari laman utama ladangku di *www.ladangku.my*.

"Selain itu, bagi orang ramai yang ingin mendapatkan bekalan ayam juga boleh melawat laman sesawang tersebut bagi memperoleh lokasi stokis berdekatan," katanya lagi.



Sebanyak 5,000 ekor ayam akan disembelih dan diproses dalam sehari sekali gus membuktikan bekalan yang ada sentiasa mencukupi walupun pada musim perayaan.

Selain ayam segar, Ladangku turut membekalkan ayam sejuk beku yang bebas hormon dan suntikan antibiotik.

Apa yang isitmewa mengenai Ladangku Maju Sdn. Bhd. adalah syarikat berkenaan bertanggungjawab membekalkan ayam yang diproses mengikut syariah memandangkan makanan halal merupakan satu aspek yang amat dititikberatkan dalam Islam.

Seperkara lagi, bekalan ayam juga diperoleh daripada pembekal yang dikenali dan disahkan halal tentang proses penyembelihannya.

Kilang memproses ayam pertamanya terletak di Jalan Kapar, Klang, Selangor pada 2013 sebelum membuka sebuah lagi kilang baharu tiga tahun kemudian.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | AGRO MEGA | 29 |




LORI menunggu untuk membawa ayam keluar untuk dipasarkan.





PEKERJA diberi taklimat sebelum memulakan tugas.

## INFO

### LADANGKU MAJU

- Kelebihan produk Ladangku ialah ayam disembelih dan diproses di rumah sembelih dan kilang pemprosesan milik Ladangku sendiri yang diiktiraf halal oleh Jakim.
- Produk yang ditawarkan bebas dari sebarang antibiotik dan hormon.
- Ladangku mempunyai 300 orang stokis dan masih membuka peluang kepada orang ramai untuk menjadi rakan niaga mereka.
- Produk yang ditawarkan oleh Ladangku ialah:
  - Sutera hijau (Ayam potong 14 siap cuci )
  - Sutera kuning (ayam potong 12 siap cuci)
  - Yasmin (ayam kampung organik lepas bebas)
  - Pelbagai bahagian potongan ayam

Antara cabaran yang dihadapinya ketika mula-mula membuka kilang memproses ayam adalah untuk mendapatkan sijil halal.

Sijil halal penting bagi meyakinkan pengguna bahawa ayam yang diproses menepati syarak.

Ini kerana isu ayam halal sering mendapat perhatian media massa menerusi laporan yang didedahkan berhubung penjualan ayam yang diragui status halalnya.

Status halal untuk haiwan ternakan bermula dari proses penyembelihan. Jika proses penyembelihan menepati syarak maka haiwan itu halal dimakan.

Bagi memastikan status tersebut terpelihara, petugas syarikat adalah terlatih dan bertauliah untuk menjalankan kerja-kerja penyembelihan.

Kesemua pekerja yang diambil untuk bahagian penyembelihan adalah mereka yang mengutamakan solat dan berpakaian menutup aurat.

Ini penting kerana jika mereka mementingkan agama mereka akan melakukan kerja dengan sebaiknya.

Setiap ladang ayam yang dipilih pula mestilah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta mendapat pengiktirafan persijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP), iaitu persijilan yang memberi pengiktirafan kepada ladang untuk mengeluarkan hasil yang berkualiti dan selamat dimakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | AGRO MEGA | 29 |



DR. ABDUL RAHMAN OMAR (kiri) bersama Nigel Horrox dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dalam sidang akhbar sempena Mesyuarat Keempat MVPA di Serdang, Selangor baru-baru ini.

# Keperluan tangani isu industri ayam

INDUSTRI ayam seperti yang diketahui umum memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi negara.

Ini kerana industri tersebut berkembang antara lima hingga enam peratus setiap tahun dengan menyumbang RM10 bilion daripada RM12 bilion dalam sektor penternakan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016.

Meskipun industri itu mempunyai keupayaan untuk berkembang lebih pesat, namun halangan seperti penyakit akan menggugat pengeluaran ayam mahupun telur dalam pasaran negara atau untuk dieksport.

Malaysia sebagai salah sebuah negara Asia yang memiliki kepakaran dalam industri ayam seperti menangani penyakit serta menghasilkan vaksin untuk pelbagai penyakit berkaitan industri itu, akan sentiasa bersiap siaga menghadapi apa jua cabaran pada masa kini dan akan datang.

Justeru, perbincangan berterusan serta berkongsi kepakaran bersama negara ASEAN lain akan membuka lebih banyak peluang kepada Malaysia untuk mencari penyelesaian kepada pemasalahan atau isu yang timbul dalam industri ayam.

Presiden Persatuan Ayam Itik Veterinar Dunia (MVPA) Malaysia, **Prof. Dr. Abdul Rahman Omar** berkata, Mesyuarat Asia Ke-4 WVPA 2018 yang dianjurkan baru-baru ini berjaya mencapai objektif dalam membincangkan cabaran yang dihadapi dalam industri ayam terkini.

Mesyuarat yang menghimpunkan 370 delegasi dari 20 negara bagi membincangkan mengenai vaksin dari dalam dan luar negara serta kawalan penyakit bawaan virus serta bakteria.

"Malaysia menghasilkan ayam yang cukup iaitu dalam 130 peratus bagi menampung permintaan dalam dan luar negara sejak 1980.

## PENYAKIT

"Ini bermakna jika industri ternakan ayam diserang apa jua penyakit bukan sahaja membebankan penternak ayam, malah akan memberi kesan kepada industri tersebut secara keseluruhan," katanya.

Turut hadir dalam sidang akhbar tersebut ialah Presiden WVPA, **Dr. Nigel Horrox**.

Dalam pada itu, Abdul Rahman yang juga Pengarah Institut Biosains Universiti Putra Malaysia (UPM) memberitahu, daging dan telur ayam menyumbang kira-kira 90 peratus daripada keseluruhan industri.

Sebanyak tujuh hingga 10 peratus daripada jumlah tersebut dieksport ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong, Brunei, Jepun dan Asia Barat.

"Ayam yang disembelih dianggarkan sebanyak dua juta setahun. Ini bermakna sumber protein utama negara perlu dijaga dan dikawal dengan baik bagi mengelakkan kekurangan bekalan ayam," jelasnya.

Tambah beliau, permintaan terhadap ayam halal dari kebanyakan negara juga menjadi kelebihan kepada Malaysia untuk sentiasa peka terhadap kesihatan dan keselamatan industri ayam.

"Bidang penternakan ayam merupakan satu industri yang memiliki peluang yang amat besar dan saya percaya akan terus berkembang pesat.

"Dalam masa sama, kami turut menyasarkan industri ini akan menembusi pasaran Eropah kerana mendapat permintaan yang tinggi," jelasnya.

Sementara itu Horrox berkata, penyakit dalam industri ayam tiada sempadan dan boleh menyerang pada bila-bila masa serta di mana jua sekali gus menjadi agenda penting terutama bagi veterinar dalam menyediakan perkhidmatan terbaik melalui ilmu pengetahuan serta profesionalisme bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Inilah peranan WVPA untuk sentiasa menjalin kerjasama dan mengekalkan hubungan bersama veterinar dalam usaha membantu memperluaskan ilmu pengetahuan, berkongsi pandangan serta kepakaran," katanya.